

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	Dalam Negeri/ Pg. 37
Date	Wed, 28th Sept 2016	Lead Article	No
Headline	Pekema Komited Bela Nasib Usahawan Bumiputera		

Pekema komited bela nasib usahawan bumiputera

SHAH ALAM 27 Sept. - Walaupun berdepan kelembapan ekonomi global serba tidak menentu, namun Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (Pekema) kekal komited memastikan perniagaan yang dijalankan mampu mem-bela nasib golongan bumiputera.

Presidennya, Datuk Zainuddin Abdul Rahman berkata, walaupun statistik dan jumlah penjualan kenderaan import agak menurun, namun pelbagai inisiatif diusahakan bagi mengekang cabaran yang wujud termasuk memperkenalkan perkhidmatan selepas jualan seperti servis dan baik pulih kenderaan.

Beliau berkata, usaha itu bukti komitmen berterusan Pekema untuk memaju dan memakmurkan lagi perniagaan berasaskan sektor automotif tempatan yang dilihat berpotensi berkembang di masa depan.

“Walaupun secara praktikal kadar jualan kenderaan agak merosot namun pihak Pekema termasuk Zaibar Automobile Sdn. Bhd., merangka pelbagai rangkaian perkhidmatan berkaitan permotoran bagi memastikan prospek perniagaan yang dijalankan kekal kondusif.

“Dalam masa sama, kami ingin menyarankan pihak ber-

wajib termasuk Kastam Diraja Malaysia menilai dan mengkaji semula dasar percukaian dilaksanakan ketika ini.

“Perkara ini amat penting bagi memastikan para pengusaha perniagaan kereta bumiputera mampu bersaing dalam pasaran ketika ini yang turut disaingi oleh pemegang francais kereta,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di pejabat operasi Zaibar Automobile Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Zaibar Automobile Sdn. Bhd., ditubuhkan sejak tahun 1982 merupakan antara pemain aktif dalam industri jualan kenderaan termasuklah kereta import setelah menjadi salah sebuah syarikat pemegang permit imports (AP) sejak tahun 1984.

Dalam pada itu, Zainuddin berkata, persaingan yang wujud antara pemegang AP dengan pemegang francais kereta agak mengusarkan kerana keistimewaan dinikmati oleh pemegang francais termasuk kadar cukai import lebih rendah malah mewujudkan konsep monopoli harga.

“Pelbagai keistimewaan dinikmati pemegang francais jika tidak dinilai dan dikaji semula secara menyeluruh boleh mengakibatkan pemegang AP terpaksa bersaing dalam perseki-



ZAINUDDIN ABDUL RAHMAN

tan yang tidak setara,” katanya sambil mendesak pihak kerajaan memberikan keistimewaan yang sama kepada Pekema seperti dinikmati oleh pemegang francais.

Beliau juga melahirkan kerisauan jika perkara tersebut tidak dikaji semula ia secara tidak langsung menjadi barah yang boleh menyebabkan industri automotif tempatan menjadi suram seterusnya akibatkan para pemegang AP terpaksa gulung tikar.

Selain itu, Pekema juga katanya, pelbagai langkah dibuat seperti memperketat sistem verifikasi secara talian permohonan lesen AP bagi memantau kes pembelian kereta klon dari Singapura yang disifatkan mengugut prospek jualan kenderaan import.

